

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** Y.B. DATO' MANSOR BIN OTHMAN  
[ NIBONG TEBAL ]

**TARIKH :** 17.6.2015

**SOALAN :**

Dato' Mansor bin Othman [ Nibong Tebal ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan keperluan tenaga-tenaga pengajar dari luar negara dalam bidang bahasa Inggeris dan bahasa Arab. Adakah tenaga pengajar tempatan tidak mencukupi atau tidak berkeupayaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Aspirasi Murid dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menggariskan setiap murid akan menguasai bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa perpaduan serta bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi antarabangsa sekurang-kurangnya pada tahap minimum.

Justeru itu, KPM telah menjalankan Program *Fulbright English Teaching Assistant* (ETA) iaitu merupakan program yang melibatkan 100 orang pembantu guru dari Amerika Syarikat untuk meningkatkan tahap

penguasaan bahasa Inggeris khususnya dari aspek komunikasi dalam kalangan murid di sekolah-sekolah luar bandar.

Di samping itu, Program Penutur Jati Bahasa Inggeris (PPJBI) juga dilaksanakan mulai 2010 di 1,800 buah sekolah rendah seluruh negara. Sekolah yang terpilih adalah berdasarkan tahap pencapaian bahasa Inggeris di peringkat UPSR, iaitu tahap sederhana dan tahap rendah sekolah luar bandar dan pedalaman. Seramai 360 penutur jati yang berasal daripada negara seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia dan juga Afrika Selatan dilantik sebagai mentor untuk lebih kurang 5,000 orang guru bahasa Inggeris Tahap Satu di sekolah-sekolah berkenaan. Selain menjalankan sesi input profesionalisme, *team teaching*, pembinaan bahan bantu mengajar serta perbengkelan, mentor juga melatih guru-guru sebagai sumber pakar bahasa Inggeris di sekolah atau daerah masing-masing. Setiap mentor juga bertanggungjawab untuk memberi bimbingan dari segi pemantapan pedagogi dan kemahiran bahasa para guru.

Bahasa Arab pula menjadi mata pelajaran yang wajib diambil oleh murid-murid dari sekolah aliran agama. Pada masa ini, mata pelajaran tersebut diajar oleh guru-guru tempatan yang dilantik oleh KPM yang berkelulusan dari universiti di dalam dan di luar negara. Manakala pelaksanaan Program Pengambilan Guru Penutur Jati Bahasa Arab (GPJBA) dari beberapa buah negara Arab adalah usaha KPM bagi memantapkan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan murid dan guru di sekolah aliran agama. Tempoh yang dicadangkan adalah selama lima (5) tahun bermula tahun 2016 – 2020 untuk melonjakkan pencapaian prestasi murid dalam peperiksaan SPM dan STAM.